

Headline	Aktiviti		
MediaTitle	Kosmo		
Date	11 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	115,967
Page No	33	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	350 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,043
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,129



aktiviti

Pesta Halal (Halfest) Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM)

BUAT pertama kalinya, Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) menganjurkan Pesta Halal (Halfest) terbesar yang akan diadakan pada 12 hingga 16 Oktober ini.

Bertempat di PWTC, pesta ini dijangka akan menggamit 70,000 pelawat dari seluruh negara. Halfest turut akan menjemput wakil dari Bank Negara Malaysia (BNM), Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Kepada yang berminat, hubungi sekretariat di nombor **019-3591 000/019-9130 000**. Layari laman web Halfest di <http://halfest.com.my>.



Karnival kempen kesihatan Universiti Teknologi Mara (UiTM)

KARNIVAL ini antara lain memuatkan pelbagai aktiviti yang menarik seperti pemeriksaan kesihatan, pertandingan mewarna, program Spell It Right, Walk For Charity, lompat tali untuk jantung dan macam-macam lagi.

Program yang dianjurkan oleh pelajar Fakulti Farmasi UiTM akan diadakan pada 16 Oktober ini bermula jam 8 pagi hingga 11 Malam. Untuk keterangan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Julia Jalaludin di talian **019-3373305** atau melayari laman web <http://sophys-uitm.blogspot.com>.

Teater bangsawan opera primadona

KARYA asal N. Riantiarro yang berasal dari Indonesia telah diolah oleh pengkarya tempatan, Ahmad Yatim sementara Syahmi Naim bertindak pengarah persembahan.

Opera Primadona menceritakan tentang kisah kehidupan Miss Kecubung yang percaya hanya dirinya sahaja layak bergelar primadona dan berasa dirinya terganggu apabila Kejora muncul.

Teater yang akan dipentaskan di Panggung Bandaraya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mula dipentaskan pada 15 Oktober hingga 17 Oktober ini. Untuk urusan pembelian tiket, sila hubungi **03-2617 6303/6289/6305** atau **03-2052 3600**.



Program kutipan derma rumah anak-anak yatim di Lhokseumawe, Nanggroe Aceh

PROGRAM ini merupakan acara kebajikan yang meminta jasa baik orang awam menyumbang wang untuk pembinaan rumah anak-anak yatim di Lhokseumawe, Aceh. Sumbangan itu juga akan digunakan untuk menambah jumlah komputer di rumah anak-anak yatim di sana. Sila hubungi Kamil Abd. Razak di talian 017- 6678 681. Anda juga boleh melayari http://ms.wikipedia.org/wiki/Pengguna:Peuhaba_aceh untuk mendapatkan gambaran sebenar kehidupan anak-anak yatim di bumi Aceh.